PHILIPS

AVENT

SCF358

Manual pengguna

Kandungan

Penting **3**

Pengenalan **6**

Perihalan umum **7**

Gambaran keseluruhan produk 7

Penerangan tetapan 8

Panaskan susu 9

Beri anak anda susu 11

Gunakan pemanas botol dengan segera untuk sebotol lagi susu 12

Panaskan beg susu 12

Panaskan makanan bayi 13

Beri anak anda makanan bayi 15

Gunakan pemanas botol dengan segera untuk satu lagi bekas makanan bayi 15

Simpan panas susu 15

Nyahfros susu 17

Nyahfros makanan bayi 18

Membersihkan dan menyahkerak **21**

Pembersihan 21

Menyahkerak 22

Kitar Semula **22**

Sokongan **22**

Menyelesaikan masalah **23**

Penting

Baca manual pengguna ini dengan teliti sebelum anda menggunakan perkakas dan simpan untuk rujukan masa hadapan.

Bahaya

- Jangan rendamkan kord, palam atau perkakas di dalam air atau cecair lain.

Amaran

- Gunakan perkakas di dalam rumah sahaja.
- Jangan biarkan kord kuasa terjuntai dari tepi meja atau permukaan ruang kerja. Simpan lebihan kord di dalam tapak pemanas botol.
- Jauhkan kord kuasa dari permukaan yang panas.
- Sambungkan perkakas hanya kepada soket dinding yang dibumikan. Sentiasa pastikan palam dimasukkan dengan rapi pada soket dinding.
- Sebelum anda menyambungkan perkakas ini, pastikan voltan yang ditunjukkan pada bahagian bawah perkakas sepadan dengan voltan tempatan.
- Jika anda perlu menggunakan kord sambungan, pastikan kord tersebut merupakan kord sambungan dibumikan dengan pengadaran sekurang-kurangnya 13 ampere.
- Jangan gunakan perkakas jika palam, kord kuasa atau perkakas rosak. Jika kord kuasa rosak, anda hendaklah menggantikan kord tersebut di Philips, pusat servis yang disahkan oleh Philips atau orang yang layak seumpamanya untuk mengelakkan bahaya.
- Jangan letakkan perkakas di atas atau berdekatan dengan gas panas atau periuk elektrik atau dalam ketuhar yang panas.

- Perkakas ini boleh digunakan oleh orang yang kurang upaya dari segi fizikal, deria atau mental, atau kurang berpengalaman dan pengetahuan jika mereka diberi pengawasan dan arahan berkenaan penggunaan perkakas secara selamat dan memahami bahaya yang mungkin berlaku.
- Perkakas ini boleh digunakan oleh kanak-kanak berumur 8 tahun ke atas jika mereka telah diberikan pengawasan atau arahan berkenaan penggunaan perkakas dengan cara yang selamat dan jika mereka memahami bahaya yang mungkin berlaku. Pembersihan dan penyelenggaraan tidak boleh dilakukan oleh kanak-kanak melainkan mereka berumur 8 tahun ke atas dan diawasi. Jauhkan perkakas dan kordnya jauh dari jangkauan kanak-kanak yang berumur kurang daripada 8 tahun.
- Kanak-kanak tidak boleh bermain dengan perkakas ini.
- Jangan tumpahkan air pada palam kuasa.
- Hanya gunakan perkakas seperti yang diterangkan dalam manual pengguna ini untuk mengelakkan kecederaan yang disebabkan penyalahgunaan.
- Jangan panaskan perkakas terlebih dahulu.
- Pastikan anda sentiasa letakkan botol yang dipasang lengkap dengan penutup dalam pemanas botol sebelum anda menambah air.
- Pastikan anda menambah air sebelum anda menghidupkan pemanas botol.
- Air panas boleh menyebabkan kelecuran serius. Berhati-hatilah semasa pemanas botol mengandungi air panas.
- Permukaan perkakas yang boleh diakses mungkin menjadi panas sewaktu penggunaan dan mungkin mempunyai baki haba selepas penggunaan.
- Jangan gerakkan perkakas semasa ia mengandungi air panas.

- Apabila makanan atau susu mencapai suhu yang diperlukan, keluarkan botol atau bekas daripada pemanas botol. Jika anda meninggalkan makanan atau susu di dalam pemanas botol, suhu makanan atau susu akan meningkat.

Awas

- Perkakas ini bertujuan untuk digunakan di dalam rumah dan penggunaan yang serupa seperti rumah ladang, persekitaran jenis inap sarapan, kawasan dapur kakitangan di kedai, di pejabat dan di persekitaran kerja lain dan oleh pelanggan di hotel, motel dan jenis persekitaran perumahan lain.
- Makanan tidak sepatutnya dipanaskan terlalu lama.
- Sentiasa periksa suhu makanan sebelum anda menyuapkannya kepada anak anda. Goncang botol secara perlahan-lahan dan periksa dengan menitiskan sedikit susu pada bahagian dalam pergelangan lengan anda. (Ikut arahan dalam bahagian ''Beri anak anda susu''.)
- Cabut palam perkakas apabila tidak digunakan.
- Permukaan elemen pemanas mungkin mempunyai baki haba selepas penggunaan.
- Biarkan perkakas menjadi sejuk sebelum anda membersihkannya.
- Ikut arahan untuk menyahkerak bagi mengelakkan kerosakan yang tidak dapat dibaiki.
- Jangan cuba untuk membuka atau membaiki sendiri perkakas ini. Hubungi Pusat Layanan Pelanggan Philips di negara anda (lihat **www.philips.com/support**).

Kod tarikh pengeluaran YYWW terdapat di bahagian simpanan kord pada tapak pemanas botol.

Medan elektromagnet (EMF)

Perkakas Philips mematuhi semua piawaian dan peraturan berkaitan dengan pendedahan kepada medan elektromagnet.

Pengenalan

Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips Avent! Untuk mendapatkan manfaat sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips Avent, daftar produk anda di **www.philips.com/welcome.**

Melalui pemanas botol ini, anda boleh memanaskan dan menyahfros susu di dalam botol susu Philips Avent dan jenama biasa yang lain serta makanan bayi di dalam bekas dengan selamat.

Pemanas botol ini direka bentuk untuk memanaskan susu dengan cara yang lembut. Oleh itu, air di dalam pemanas botol tidak akan mencapai suhu mendidih. Setiap tetapan pemanasan diprogramkan untuk memanaskan jumlah susu yang berbeza. Untuk prestasi yang lebih baik, pastikan anda:

1. Meletakkan botol di dalam pemanas botol.
2. Isikan air segar pada suhu bilik hingga paras susu
3. Memilih jumlah susu dan menekan butang hidup/mati.

Perihalan umum

Gambaran keseluruhan produk



A	Pemanas botol	**D**	Tetapan simpan panas/nyahfros
B	Penanda kemajuan	**E**	Tetapan jumlah susu
C	Tetapan pemanasan makanan bayi	**F**	Butang hidup/mati

Penerangan tetapan



Jumlah susu

- Pilih tetapan ini untuk memanaskan susu pada suhu bilik atau suhu peti sejuk.
- Pilih jumlah susu yang anda panaskan. Anda boleh menetapkan jumlah dari 30 ml / 1 oz hingga 330 ml / 11 oz.
  Pemanas botol memanaskan susu kepada suhu yang diinginkan. Susu sedia untuk diminum apabila seluruh penanda kemajuan menyala. Jika anda mahukan susu yang lebih panas, simpan botol di dalam perkakas sehingga mencapai suhu yang diinginkan. Keluarkan botol dan periksa suhu susu sebelum diberikan kepada bayi. Anda juga boleh mengekalkan kepanasan botol di dalam perkakas dan perkakas akan dimatikan secara automatik selepas kira-kira 60 minit.
- Periksa suhu susu dengan menitiskan sedikit susu pada bahagian dalam pergelangan lengan anda. Susu mungkin sejuk bagi anda tetapi selesa untuk bayi yang baru lahir. Penyelidikan mencadangkan bahawa kebanyakan bayi akan menerima susu yang lebih sejuk daripada suhu badan.

Pemanasan makanan bayi

- Pilih tetapan ini untuk memanaskan makanan bayi.
- Untuk mendapatkan hasil optimum, kacau makanan bayi semasa dipanaskan.

Simpan panas/nyahfros

- Sensor terbina dalam melaraskan corak pemanasan untuk mengekalkan kepanasan atau nyahfros.
- Jika susu/ makanan bayi panas, susu/makanan bayi akan dipanaskan secara perlahan-lahan dan dikekalkan pada suhu yang sesuai.
- Jika susu beku, susu akan dicairkan, kemudian dipanaskan kepada suhu yang sesuai. Anda boleh menyahfros susu dari 30 ml/ 1 oz hingga 180 ml/ 6 oz.
- Jika makanan bayi beku, makanan bayi akan dinyahfros. Selepas itu, matikan pemanas botol dan tukar kepada tetapan makanan bayi untuk memanaskan makanan bayi.
- Pilih tetapan ini untuk memanaskan beg susu. Bahan beg susu memindahkan haba dengan sangat pantas.

Apabila seluruh penanda kemajuan dihidupkan tetapi tidak berkelip, susu sedia untuk dihidangkan. Beri anak anda susu selepas dipanaskan. Jangan panaskan semula susu setelah menjadi sejuk kerana bakteria mungkin mula terbentuk.

Untuk makanan bayi, oleh sebab kelikatan makanan bayi adalah berbeza-beza, perkakas tidak dapat mengesan tempoh masa makanan bayi yang diperlukan untuk dipanaskan secara tepat. Apabila seluruh penanda kemajuan dihidupkan tetapi tidak berkelip, simpan makanan bayi di dalam perkakas untuk pemanasan lanjut. Kacau makanan bayi semasa balang atau bekas berada di dalam pemanas botol. Untuk mendapatkan hasil optimum, periksa suhu semasa makanan dipanaskan.

Panaskan susu

1 **Letakkan botol di dalam pemanas botol. Isikan air minuman ke dalam pemanas sehingga paras susu. Jika jumlah susu banyak, sebagai contoh 210 ml/ 7 oz, isikan air sehingga kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol.**



2 **Pilih tetapan yang diingini berdasarkan jumlah susu dan tekan butang mati/ hidup untuk menghidupkan pemanas.**





3 **Penanda kemajuan akan berkelip secara perlahan-lahan untuk memaparkan kemajuan pemanasan susu.**



4 **Apabila seluruh penanda kemajuan berkelip secara berterusan, susu sedia untuk diminum dan pemanas botol akan beralih kepada mod simpan panas secara automatik.**

5 **Pemanas botol akan dimatikan secara automatik selepas kira-kira 60 minit, termasuk masa pemanasan. Penanda kemajuan akan dimatikan.**



Petua

- Jika anda mahu susu yang lebih panas, simpan botol di dalam perkakas sehingga mencapai suhu yang diinginkan selepas seluruh penanda kemajuan menyala.
- Jika anda menggunakan botol silikon, masa yang lebih panjang diperlukan untuk memanaskan susu. Biarkan botol di dalam pemanas botol selama 3-4 minit selepas seluruh penanda kemajuan menyala.
- Botol kaca cepat menjadi panas. Gunakan tetapan yang lebih rendah. Semak jadual di bahagian tetapan yang **Disyorkan mengikut jenis bekas susu** untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Tetapan yang disyorkan mengikut jenis bekas susu

Semak jadual berikut untuk mendapatkan tetapan pemanasan susu yang disyorkan berdasarkan jenis bekas anda.

Bekas susu	Suhu awal susu	Isi padu susu	Tetapan yang disyorkan
Kaca	22 °C	1-3 oz/30-90 ml	1 oz/30 ml
		4-6 oz/120-180 ml	2 oz/60 ml
		7-8 oz/210-240 ml	4 oz/120 ml
	5 °C	1 oz/30 ml	1 oz/30 ml
		2-6 oz/60-180 ml	2 oz/60 ml
		7-8 oz/210-240 ml	4 oz/120 ml
Plastik	22 °C atau 5 °C	1-11 oz/30-330 ml	Tetapan isi padu susu
Silikon	22 °C atau 5 °C	1-9 oz/30-270 ml	Tetapan mengikut isi padu susu + 3–4 min
Beg penyimpanan susu	22 °C atau 5 °C	1-6 oz/30-180 ml	Tetapan kekal panas/nyahbeku

Semak arahan pada beg susu anda dan pastikan beg tersebut sesuai dipanaskan menggunakan pemanas botol.

Nota

- Masa untuk memanaskan susu bergantung pada jumlah susu, suhu awal susu dan air, serta jenis botol susu.
- Jika anda mahu menukar tetapan, selepas menghidupkan pemanas botol, anda perlu mematikan pemanas botol terlebih dahulu. Tukar tetapan dan hidupkan semula. Tindakan menukar tetapan apabila pemanas botol telah dihidupkan selama 20 saat atau lebih akan menukar mod perkakas kepada mod simpan panas secara automatik.

Beri anak anda susu

Tekan butang mati/hidup untuk mematikan perkakas dan keluarkan botol susu.



Nota

- Jika anda menggunakan botol susu kecil seperti botol susu 60 ml/2 oz, berhati-hati dengan air panas semasa anda mengeluarkan botol.

Periksa suhu susu sebelum anda menyusukan bayi. Goncang botol secara perlahan-lahan dan periksa dengan menitiskan sedikit susu pada bahagian dalam pergelangan lengan anda.



Selepas setiap penggunaan, cabut palam pemanas botol dan biarkan perkakas menyejuk. Keluarkan air daripada pemanas botol atas sebab-sebab kebersihan.



Gunakan pemanas botol dengan segera untuk sebotol lagi susu

Jika anda mahu memanaskan sebotol lagi susu, biarkan pemanas botol menjadi sejuk. Untuk menyegerakan penyejukan, isikan semula air sejuk segar ke dalam pemanas botol. Apabila anda menghidupkan pemanas botol, penanda kemajuan akan berkelip secara perlahan-lahan untuk menandakan bahawa perkakas tersebut akan dipanaskan sekali lagi.

Nota

- Jika penanda kemajuan dihidupkan tetapi tidak berkelip, pemanas botol masih lagi terlalu panas untuk memanaskan satu lagi botol. Matikan pemanas botol dan biar menjadi sejuk.

Panaskan beg susu

Semak arahan beg susu anda dan pastikan beg tersebut boleh dipanaskan di dalam pemanas botol.

1 **Letakkan beg susu di dalam pemanas botol. Isikan air minuman ke dalam pemanas sehingga paras susu. Jika jumlah susu banyak, isikan air sehingga kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol.**





2 **Pilih tetapan simpan panas/ nyahfros dan tekan butang mati/hidup untuk menghidupkan pemanas. Bahan beg susu memindahkan haba dengan sangat pantas maka tetapan ini adalah yang paling baik.**





3 Penanda kemajuan akan berkelip untuk menandakan bahawa pemanas berada dalam proses pemanasan.



4 Apabila seluruh penanda kemajuan berkelip secara berterusan, susu sedia untuk diminum dan pemanas botol akan beralih kepada mod simpan panas secara automatik.

5 Pemanas botol akan dimatikan secara automatik selepas kira-kira 60 minit, termasuk masa pemanasan. Penanda kemajuan akan dimatikan.



Panaskan makanan bayi

1 Letakkan bekas makanan bayi di dalam pemanas botol. Isikan air minuman ke dalam pemanas sehingga paras makanan bayi. Jika jumlah makanan bayi banyak, sebagai contoh 210 ml/ 7 oz, isikan air sehingga kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol.





2 **Pilih tetapan pemanasan makanan bayi dan tekan butang mati/hidup untuk menghidupkan pemanas.**

3 **Penanda kemajuan akan berkelip untuk menandakan bahawa pemanas berada dalam proses pemanasan.**

4 **Oleh sebab kelikatan makanan bayi adalah berbeza-beza, perkakas tidak dapat mengesan tempoh masa makanan bayi yang diperlukan untuk dipanaskan secara tepat. Kacau makanan bayi semasa balang atau bekas berada di dalam pemanas botol. Untuk mendapatkan hasil optimum, periksa suhu semasa makanan dipanaskan.**

↳ **Berhati-hati agar jari anda tidak melecur semasa memegang bekas atau balang sewaktu mengacau makanan.**



Nota

- Apabila seluruh penanda kemajuan dihidupkan secara berterusan, simpan makanan bayi di dalam perkakas untuk pemanasan lanjut. Kacau makanan bayi dan periksa suhu makanan tersebut.

5 **Pemanas botol akan dimatikan secara automatik selepas kira-kira 60 minit, termasuk masa pemanasan. Penanda kemajuan akan dimatikan.**



Beri anak anda makanan bayi

Tekan butang mati/hidup untuk mematikan perkakas dan keluarkan bekas atau balang makanan.

Sentiasa periksa suhu makanan bayi sebelum anda menyuapkan makanan kepada bayi. Kacau makanan bayi secara perlahan-lahan di dalam bekas atau balang dan rasa makanan untuk memastikan suhu tidak terlalu panas.



Gunakan pemanas botol dengan segera untuk satu lagi bekas makanan bayi

Ikut langkah yang sama seperti yang dinyatakan dalam bahagian “Panaskan susu”

Simpan panas susu

Dengan tetapan ini, sensor terbina dalam melaraskan corak pemanasan untuk mengekalkan kepanasan atau nyahfros. Jika anda memasukkan susu panas, susu tersebut akan dipanaskan secara perlahan-lahan dan dibiarkan pada suhu yang sesuai.

1 Letakkan botol di dalam pemanas botol. Isikan air minuman ke dalam pemanas sehingga paras susu. Jika jumlah susu banyak, isikan air sehingga kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol.





2 **Pilih tetapan simpan panas/nyahfros dan tekan butang mati/hidup untuk menghidupkan pemanas.**





3 **Penanda kemajuan akan berkelip untuk menandakan susu sedang dipanaskan.**



4 **Apabila seluruh penanda kemajuan berkelip secara berterusan, susu sedia untuk diminum dan pemanas botol akan mengekalkan susu pada suhu ini.**

5 **Pemanas botol akan dimatikan secara automatik selepas kira-kira 60 minit, termasuk masa pemanasan. Penanda kemajuan akan dimatikan.**



Nota

- Masa pemanasan mungkin berbeza-beza bergantung pada jumlah susu dan suhu permulaan susu.

Nyahfros susu

Dengan tetapan ini, sensor terbina dalam melaraskan corak pemanasan untuk mengekalkan kepanasan atau nyahfros. Jika anda memasukkan susu beku, pemanas botol akan mencairkan susu, kemudian memanaskan susu kepada suhu yang sesuai. Anda boleh menyahfros susu dari 30 ml/ 1 oz hingga 180 ml/ 6 oz.

1 **Letakkan botol di dalam pemanas botol. Isikan air minuman ke dalam pemanas sehingga paras susu. Jika jumlah susu banyak, isikan air sehingga kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol.**





2 **Pilih tetapan simpan panas/nyahfros dan tekan butang mati/hidup untuk menghidupkan pemanas.**



3 **Penanda kemajuan akan berkelip untuk menandakan bahawa susu sedang dinyahfros dan dipanaskan.**



4 **Oleh sebab kelikatan susu beku berbeza-beza, perkakas tidak dapat mengesan tempoh pemanasan tepat yang diperlukan. Apabila seluruh penanda kemajuan bernyala secara berterusan, simpan susu di dalam perkakas untuk pemanasan lanjut.**

Nota

- Contohnya, untuk menyahfros dan memanaskan botol susu beku 60 ml/2 oz akan mengambil masa 45 minit. Proses nyahfros dan pemanasan mungkin mengambil masa yang lebih lama atau lebih singkat bergantung pada jumlah susu dan bahan bekas.

5 Pemanas botol akan dimatikan secara automatik selepas kira-kira 60 minit, termasuk masa nyahfros dan pemanasan. Penanda kemajuan akan dimatikan.



Nyahfros makanan bayi

Dengan tetapan ini, sensor terbina dalam melaraskan corak pemanasan untuk mengekalkan kepanasan atau nyahfros. Jika anda memasukkan makanan bayi yang beku, pemanas botol akan mencairkan makanan bayi. Selepas itu, matikan pemanas botol dan tukar kepada tetapan makanan bayi untuk memanaskan makanan bayi kepada suhu yang betul.

1 Letakkan bekas makanan bayi di dalam pemanas botol. Isikan air minuman ke dalam pemanas sehingga paras makanan bayi. Jika jumlah makanan bayi banyak, isikan air sehingga kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol.





2 Pilih tetapan simpan panas/nyahfros dan tekan butang mati/hidup untuk menghidupkan pemanas.

3 **Penanda kemajuan akan berkelip untuk menandakan makanan bayi sedang dinyahfros.**

4 **Oleh sebab kelikatan makanan bayi yang beku adalah berbeza-beza, perkakas tidak dapat mengesan tempoh nyahfros tepat yang diperlukan. Kacau makanan bayi apabila makanan bayi mula dinyahfros.**

Berhati-hati agar jari anda tidak melecur semasa memegang bekas atau balang sewaktu mengacau makanan.

Nota

- Contohnya, untuk menyahfros balang makanan bayi beku 180 ml/6 oz akan mengambil masa 60 minit. Proses nyahfros mungkin mengambil masa yang lebih lama atau lebih singkat bergantung pada jumlah makanan bayi dan bahan bekas.



5 **Pemanas botol akan dimatikan secara automatik selepas 60 minit. Penanda kemajuan akan dimatikan.**



6 **Selepas itu, pilih tetapan makanan bayi dan tekan butang mati / hidup untuk menghidupkan tetapan pemanasan makanan bayi.**



Nota

- Pastikan pemanas botol dimatikan sebelum memutar tombol kepada tetapan makanan bayi. Jika tidak, tetapan makanan bayi tidak boleh dihidupkan.

7 **Penanda kemajuan akan berkelip untuk menandakan makanan bayi sedang dipanaskan.**

8 **Oleh sebab kelikatan makanan bayi berbeza-beza, perkakas tidak dapat mengesan tempoh pemanasan tepat yang diperlukan. Kacau makanan bayi semasa dipanaskan. Untuk mendapatkan hasil optimum, periksa suhu semasa makanan dipanaskan.**

Berhati-hati agar jari anda tidak melecur semasa memegang bekas atau balang sewaktu mengacau makanan.



9 **Pemanas botol akan dimatikan secara automatik selepas kira-kira 60 minit, termasuk masa pemanasan. Penanda kemajuan akan dimatikan.**

Membersihkan dan menyahkerak

Pembersihan

1 **Cabut palam dan biarkan pemanas menjadi sejuk.**

2 **Tuang air dari bahagian sisi dan bukannya ke hadapan atau ke belakang untuk mengelakkan air tertumpah pada tombol atau palam kuasa.**



3 **Lap dengan kain lembap.**

↳ **Jangan gunakan pelarut pelelas, agen pembersihan anti bakteria, pelarut kimia atau alat tajam untuk membersihkan pemanas botol.**



Nota

- Jika anda menggunakan pemanas botol untuk memanaskan makanan bayi, pastikan tiada sisa makanan bayi di bahagian bawah pemanas botol.

Menyahkerak

Anda disyorkan untuk menyahkerak pemanas botol **setiap empat minggu** untuk memastikan pemanas terus berfungsi dengan cekap.

Untuk menyahkerak pemanas botol, campurkan 60 ml/2 oz cuka putih dengan 120 ml/4 oz air sejuk. Hidupkan pemanas dan pilih tetapan pemanasan susu untuk kandungan kurang daripada 180 ml/6 oz dan biarkan perkakas beroperasi selama 10 minit. Biarkan larutan itu di dalam pemanas botol sehingga semua kerak larut.



Nota

- Anda juga boleh menggunakan penyahkerak berdasarkan asid sitrik.
- Jangan menggunakan penyahkerak jenis yang lain.

Kosongkan pemanas botol dan basuh bahagian dalam dengan bersih. Jika anda masih melihat kerak, ulangi prosedur penyahkerakan.

Kitar Semula

Simbol ini bermaksud bahawa produk elektrik tidak harus dilupuskan bersama buangan isi rumah yang biasa.

Patuhi peraturan negara anda untuk pengumpulan produk elektrik yang berasingan.

Sokongan

Untuk semua sokongan produk seperti soalan lazim, sila lawati **www.philips.com/support**.

Menyelesaikan masalah

Bab ini meringkaskan masalah paling lazim yang anda hadapi dengan perkakas. Jika anda tidak dapat menyelesaikan masalah dengan maklumat di bawah, hubungi Pusat Layanan Pelanggan di negara anda.

Masalah	Selepas anda menghidupkan pemanas botol, seluruh penanda kemajuan berkelip dengan pantas, kemudian dimatikan.
Sebab	• Suhu air di dalam pemanas botol terlalu panas atau terlalu sejuk. • Perlindungan didih kering diaktifkan.
Penyelesaian	• Matikan pemanas dan cabut palam. Biarkan perkakas menjadi sejuk selama beberapa minit. Pastikan anda mengisikan air segar bersuhu bilik ke dalam pemanas. • Pemanas botol dimatikan secara automatik jika dihidupkan dan tiada air atau air di dalam pemanas tidak mencukupi. Matikan pemanas dan cabut palam. Biarkan perkakas menjadi sejuk dahulu. Pastikan anda mengisikan air segar bersuhu bilik yang mencukupi ke dalam pemanas. • Isi pemanas botol dengan air hingga paras susu. Jika jumlah susu yang mahu dipanaskan adalah banyak, isikan air sehingga kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol. Pemanas botol sedia untuk digunakan sekali lagi.
Masalah	Susu terlalu panas.
Sebab	• Anda mungkin telah memilih tetapan yang salah atau menggunakan beg susu. • Anda mungkin telah mengisikan terlalu banyak air di dalam pemanas botol.
Penyelesaian	• Pilih tetapan jumlah susu berdasarkan jumlah susu, bukan saiz botol. • Jika anda menggunakan beg susu, pilih tetapan simpan panas/nyahfros. • Isi pemanas botol dengan air hingga paras susu. Jika jumlah susu yang mahu dipanaskan adalah banyak, isikan air sehingga kira-kira 1 cm di bawah bahagian atas pemanas botol. Pemanas botol sedia untuk digunakan sekali lagi.

Masalah	Susu masih sejuk.
Sebab	• Anda mungkin telah memilih tetapan yang salah, menggunakan botol silikon atau mengisikan air suam ke dalam pemanas botol. • Anda mungkin tidak mengisikan air yang mencukupi di dalam pemanas botol. • Anda mungkin telah meletakkan botol di dalam pemanas botol selepas menghidupkan pemanas botol.
Penyelesaian	• Letakkan botol di dalam pemanas botol. Isikan air segar bersuhu bilik ke dalam pemanas botol. Isi pemanas botol dengan air hingga paras susu. Jika jumlah susu yang mahu dipanaskan adalah banyak, isikan air sehingga kira-kira 1cm di bawah bahagian atas pemanas botol. Pilih tetapan jumlah susu berdasarkan jumlah susu, bukan saiz botol. Tekan butang untuk memulakan pemanasan. • Jika anda menggunakan botol silikon, pilih tetapan jumlah susu berdasarkan jumlah susu. Apabila seluruh penanda kemajuan dihidupkan, tunggu selama 3-4 minit sehingga susu menjadi panas. • Jangan gunakan air suam.
Masalah	Selepas anda menghidupkan pemanas botol, seluruh penanda kemajuan dihidupkan tetapi tidak berkelip.
Sebab	• Pemanas botol masih terlalu panas untuk memanaskan satu lagi botol. Anda mungkin baru sahaja selesai memanaskan sebotol susu. Matikan dan biarkan pemanas menjadi sejuk.
Penyelesaian	• Untuk menyegerakan penyejukan, isikan semula air sejuk segar ke dalam pemanas botol. Apabila anda menghidupkan pemanas botol, penanda kemajuan akan menjadi penuh secara perlahan-lahan untuk menandakan bahawa perkakas tersebut menjadi panas lagi.
Masalah	Seluruh penanda kemajuan berkelip semasa memanaskan makanan bayi.
Sebab	• Oleh sebab kelikatan makanan bayi adalah berbeza-beza, perkakas tidak dapat mengesan tempoh masa makanan bayi yang diperlukan untuk dipanaskan secara tepat.
Penyelesaian	• Kacau makanan bayi semasa balang atau bekas berada di dalam pemanas botol. Untuk mendapatkan hasil optimum, periksa suhu semasa makanan dipanaskan.
Masalah	Saya memanaskan jumlah susu yang sama setiap kali tetapi masa untuk memanaskan susu adalah berbeza.
Sebab	• Masa untuk memanaskan susu bergantung pada suhu awal susu dan air. • Jika susu telah disejukkan dan pada mulanya sejuk, masa yang lebih lama akan diambil untuk memanaskan susu. • Jika air di dalam pemanas botol hangat atau panas, masa yang lebih lama diperlukan untuk memanaskan susu. Sensor melaraskan corak pemanasan untuk mengelakkan susu terlampau panas.
Penyelesaian	• Untuk memastikan masa pemanasan yang konsisten, pastikan pemanas botol diisi dengan air segar yang mencukupi pada suhu bilik.

© 2026 Koninklijke Philips N.V.
Semua hak terpelihara.
2026-07-21